

22 JUL 1998

LEAD Downer

AUSTRALIA MEMUJI PENYUSUNAN SEMULA EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer memuji usaha Malaysia untuk memperbaharui dan menyusun semula ekonominya bagi mengatasi kegawatan yang melanda Asia Tenggara.

"Kita menyokong usaha-usaha kerajaan Malaysia untuk memperbaharui dan menyusun semula ekonomi dan saya mahu melihat sendiri perkembangan proses itu," kata Downer semasa tiba di sini bagi lawatan rasmi tiga hari.

Beliau berkata, lawatan itu akan memberi peluang kepadanya untuk membincangkan krisis ekonomi Asia Tenggara bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Australia, kata beliau, sentiasa berada di sisi rantau khasnya semasa keadaan yang sukar sekarang ini dan dalam kes Korea Selatan, Indonesia dan Thailand, kerajaan Australia telah menghulurkan bantuan melalui bantuan kewangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang diterima oleh ketiga-tiga negara itu.

Beliau berkata, Malaysia telah membuat keputusan yang bijak dalam tidak meminta bantuan kewangan IMF.

Ditanya mengenai ahli politik kontroversi Australia Pauline Hanson yang tidak suka dengan kemasukan orang Asia ke negara itu, Downer berkata kerajaan Malaysia tahu pendirian kerajaan Australia dan majoriti penduduknya mempunyai hubungan aktif dengan rantau Asia dan penduduknya.

"Jika dasar-dasar Hanson menjadi realiti, pelaburan Asia di Australia akan terjejas bersama beratus ribu peluang pekerjaan yang bergantung kepada negara-negara Asia termasuk Malaysia dan ini akan menyebabkan kerugian besar pada ekonomi Australia," kata beliau.

Downer berkata, ekonomi Australia sehingga ini berjaya melepaskan diri daripada krisis serantau itu.

"Tetapi kita akan menjadi sama seperti jiran-jiran kita di Asia yang nilai mata wangnya jatuh teruk dan pelaburan ditarik balik secara besar-besaran jika Pauline Hanson menjadi Perdana Menteri," katanya.

Downer berkata, sementara berada di sini beliau juga akan membincangkan keadaan politik dan ekonomi di Indonesia bersama pemimpin-pemimpin Malaysia.

"Perbincangan akan bertumpu pada keadaan ekonomi di Indonesia dan perlunya negara itu meneruskan proses pembaharuan ekonomi dan seperti dalam konteks Malaysia, menarik pelabur ke ekonomi Indonesia," kata Downer, dalam lawatan keempatnya ke Malaysia sejak menjadi Menteri Luar pada 1996.

Downer juga dijangka bertemu dengan Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin pagi esok dan kemudiannya dengan Dr Mahathir dan Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Downer akan berlepas ke Manila pada Jumaat untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Asean dan Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri.

Sementara itu Downer tertarik dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA di Sepang.

"Ia begitu menarik dan saya kagum dengannya. Ia satu pencapaian besar bagi Malaysia," kata Downer yang merupakan antara orang-orang kenamaan asing menggunakan lapangan terbang bernilai RM9 bilion itu sejak ia memulakan operasi pada 30 Jun.

-- BERNAMA

MHI PR